

18 NOV 1998

DUA ANGGOTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA DILANTIK

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Pengarah Urusan Royal Selangor International Berhad, Datuk Yong Poh Kon dan Rakan Urusan Negeri Arthur Anderson Malaysia, Datuk Zainal Abidin Putih dilantik menjadi anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang mengumumkan pelantikan itu hari ini berkata pelantikan mereka berkuatkuasa pada 1 Nov lepas.

Menurut kenyataan kementerian itu, pengalaman luas yang dimiliki oleh kedua-dua anggota tersebut dalam bidang kepakaran masing-masing akan memberi sumbangan yang bermakna kepada suruhanjaya itu.

Yong berpengalaman luas dalam bidang perniagaan dan pengurusan kewangan dengan memegang pelbagai jawatan termasuk Naib Presiden Persekutuan Pekilang Malaysia (FMM), anggota Lembaga Bank OCBC (M) dan Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Bagi Pengeluar Jenama Barangan Malaysia.

Zainal pula adalah akauntan berpengalaman terutama dalam bidang audit, percukaian dan pengurusan di samping sebagai pakar runding pengurusan yang disegani di kalangan komuniti perniagaan, kata kenyataan itu.

Penubuhan suruhanjaya itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Okt lepas bertujuan melaksanakan fungsi-fungsi kawalselia bagi industri komunikasi dan multimedia.

Ia dipengerusikan oleh bekas Pengarah Eksekutif Telekom Malaysia Dr Syed Hussein Mohamed.

-- BERNAMA

NM NMO